

Mahu Program Ibadah Korban jadi platform pusat komuniti

BANTING - Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid berharap Program Ibadah Korban yang dijalankan di peringkat surau, masjid dan komuniti terus menjadi platform pusat komuniti dalam masyarakat.

Menurutnya, beliau bangga melihat kesepakan masyarakat tidak kira latar belakang dalam menyertai aktiviti bergotongroyong dalam mana-mana program itu di daerah ini.

"Saya berkesempatan menyertai beberapa program berkenaan termasuk di Surau Fatimah Sheikh Sultan Taman Perwira bersama Persatuan Penduduk Taman Perwira, Persatuan Penduduk Taman Seri Desa dan Surau An-Nur Tongkah, Morib yang saya lihat berlangsung meriah dan lancar dengan dihadiri pelbagai lapisan masyarakat.

"Sebanyak tujuh lembu dan seekor kambing sumbangan penduduk dikorbankan dan saya sendiri turut menyumbangkan seekor lembu melalui peruntukan Kerajaan Negeri Selangor," katanya.

Abdullah Sani berkata, tradisi melapah daging dan memasak bersama penduduk sekitar perlu dikekalkan bagi menyemai semangat



Sebahagian penduduk wanita yang menyertai Program Ibadah Korban.

perpaduan.

"Saya gembira lihat kehadiran peserta dan juga penglibatan golongan muda dan wanita.

"Melalui program seperti ini dapat kukuhkan permafakatan antara penduduk dan mengangkat surau sebagai pusat kegiatan komuniti setempat," katanya.

Selain itu, Abdullah Sani turut memberitahu selain berpeluang mengagihkan daging korban kepada penduduk Taman Seri Desa, beliau juga berpeluang mendengar permasalahan rakyat.



Aktiviti korban dilakukan di Surau Fatimah Sheikh Sultan Taman Perwira bersama Persatuan Penduduk Taman Perwira.

Pesta Pantai Bagan Lalang 9 September ini

SEPANG - Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Pesta Pantai Bagan Lalang yang bermula pada 9 hingga 10 September ini.

Pesta Pantai ini adalah merupakan acara tahunan Majlis Perbandaran Sepang dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Bagan Lalang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang, Datuk Pusa Md Taib berkata, keindahan dan kebersihan Pantai Bagan Lalang akan terus menjadi teras kekuatan bagi menarik kedatangan orang ramai untuk bercuti atau menyertai pelbagai program yang dianjurkan di situ.

Menurutnya, setiap pantai perlu mempunyai program atau aktiviti tersendiri bagi menambah daya tarikan kepada pengunjung untuk datang ke Bagan Lalang.

"Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan pada hari tersebut antaranya silat pantai antarabangsa, bola sepak pantai, larian berhalangan, tarik tali, persembahan artis tempatan (Sakura Band).

"Semua acara ini sebenarnya menambah daya tarikan kepada pantai peranginan yang menjadi nadi kekuatan Sepang dalam menarik kedatangan pengunjung dari seluruh negara sejak sekian lama," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, maklumat lanjut mengenai Pesta Pantai Lalang, boleh terus hubungi urusetia di talian 03-83190200 atau layari laman Facebook Majlis Perbandaran Sepang/ Pantai Bagan Lalang.



PUASA

Lokasi sampah haram dibersihkan

MDKL kerah 10 anggota laksana operasi pembersihan, papan tanda makluman turut dipasang

TELOK PANGLIMA GARANG - Longgokan sampah haram di kawasan Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang yang tular di media sosial sejak kelmarin telah diambil perhatian Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Dipertuanya, Mohamad Zain A Hamid berkata, 10 anggota telah dikerahkan ke lokasi terlibat bagi menjalankan operasi pembersihan, semalam.

"Operasi bermula jam 9.30 pagi, pihak kami juga pasang papan tanda makluman bagi memberi kesedaran kepada masyarakat," katanya.

Menurutnya, MDKL sentiasa membuat kutipan sampah secara berkala jika ada pemuangan sampah haram.

"Bagaimanapun pihak

INFO • Orang awam dimohon salur makluman melalui talian MDKL 03-31872825 jika didapati kejadian sama berulang

kami tak buat kutipan secara tetap dan tak letakkan tong sampah di lokasi tersebut namun peka dengan keadaan itu...kerana lokasi tersebut juga merupakan tempat letak kereta.

"Sikap dan mentaliti masyarakat yang sebenarnya tak ambil berat akan kebersihan awam menyebabkan masalah ini berlaku.

"Sepatutnya bila tiada tong sampah maka tak sepatutnya buang sampah di situ, tapi kami lihat aktiviti melonggokkan sam-

pah masih lagi dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengulas isu gambar longgokan sampah yang tular di laman sosial sehingga ada pihak yang menuding jari ke arah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Mohamad Zain berkata, pihaknya turut mencadangkan langkah-langkah yang bakal diambil bagi mengatasi masalah itu termasuklah menghantar anggota penguat kuasa untuk operasi statik, mewajibkan pekedai-pekedai berhampiran menyediakan tong sampah (MGB), menjalankan forensik sampah dan mengarahkan anggota dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran MDKL membersihkan kawasan tersebut seperti operasi yang dilakukan semalam.



Kerja-kerja pembersihan dilakukan anggota Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran MDKL di kawasan sampah haram di Taman Jaya Utama semalam.